



SIARAN MEDIA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dan setelah merujuk garis panduan Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), mulai **18 Zulkaedah 1441H** bersamaan **10 Julai 2020**, solat Jumaat boleh diadakan di surau-surau yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). Kebenaran ini turut diberikan kepada surau-surau di institusi pendidikan, kem tentera, berek-berek PDRM, jabatan dan pejabat-pejabat kerajaan yang mempunyai ruang keluasan solat yang sesuai serta berupaya memenuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.
2. Bilangan ahli solat Jumaat (أهل الجمعة) di surau-surau berkaitan ialah berasaskan had kapasiti **keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara jemaah;
3. Kehadiran menunaikan solat Jumaat di masjid dan surau, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat;

4. **Amalan-amalan tambahan** yang beriringan dengan solat fardu seperti **solat sunat Qabliah dan Ba'diah**, wirid sesudah solat dan kuliah antara waktu solat Maghrib dan Isyak serta kuliah selepas solat Subuh dalam had tempoh masa tidak melebihi 30 minit dengan pematuhan garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) boleh dilaksanakan di masjid dan surau.

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) akan mengeluarkan syarat dan kriteria berserta garis panduan yang perlu dipenuhi oleh sesebuah surau untuk menganjurkan solat Jumaat. JAIPk akan mengeluarkan senarai surau yang memenuhi kriteria untuk melaksanakan solat Jumaat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) .

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

16 Zulkaedah 1441H / 8 Julai 2020